

NOTIS TENDER



**SEKSYEN TOPOGRAFI SABAH
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
(JUPEM)**



TENDER NO. JUPEM (SBH) 1/2010

1. Petender dalam bidang **Khidmat Udara (Kod Bidang 220601-Topografi / 220604 - Pemetaan)** adalah dipelawa untuk **Menyediakan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Udara untuk Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dan Ukuran Kawalan Sistem Navigasi Satelit Sejagat (GNSS) bagi Seksyen Topografi Sabah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).**
2. Tawaran ini dibuka kepada pembekal yang berdaftar pada masa kini dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Perbendaharaan Malaysia Sabah atau Perbendaharaan Malaysia Sarawak.
3. Satu set dokumen tender yang berharga RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) boleh didapati daripada:-

**Seksyen Topografi Sabah
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Tingkat 3, Blok B, Bangunan KWSP
Beg Berkunci No. 2083
88999, KOTA KINABALU, SABAH**

Masa : Hari Bekerja, 8:00 pagi hingga 4:30 petang.

Bayaran dokumen hendaklah dibuat di pejabat yang berkenaan dengan menggunakan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Draf atas nama **PENGARAH UKUR TOPOGRAFI SABAH**. Resit rasmi akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.

4. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada pemilik sah syarikat setelah dibuktikan dengan mengemukakan Sijil Asal Akuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia atau Perbendaharaan Malaysia Sabah atau Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan "Air Operating Permit" (AOP) daripada Jabatan Penerbangan Awam. **Sekiranya pemilik syarikat mewakili untuk membeli dokumen, sila kemukakan Sijil Asal Akuan Pendaftaran dan surat kuasa (asal) daripada pemilik syarikat.**

5. Borang-borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang berasingan bagi setiap tawaran dengan menggunakan **sampul surat berlakri** yang dituliskan maklumat yang berikut di bahagian atas sebelah kiri sampul surat:-

i. **Tender No. JUPEM (SBH) 1/2010 - Menyediakan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Udara untuk Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia dan Ukuran Kawalan Sistem Navigasi Satelit Sejagat (GNSS) bagi Seksyen Topografi Sabah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).**

ii. **Tarikh tutup: 12:00 tengahari, 5 April 2010 (Isnin).**

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di alamat berikut :-

**Setiausaha
Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah
Perbendaharaan Malaysia Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88592 KOTA KINABALU, SABAH**

6. Tender ini **ditutup** pada pukul **12:00 tengahari, 5 April 2010 (Isnin)**.

7. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang paling rendah atau mana-mana tender dan Kerajaan berhak memilih mana-mana tawaran daripada Petender yang berpatutan.

Pengarah Ukur Topografi Sabah
Seksyen Topografi Sabah
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Mac 2010